

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

FAKTOR PENYUMBANG MASALAH PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN BAHASA TAMIL DAN CARA PENYELESAIANNYA DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH ANTARABANGSA

FACTORS CONTRIBUTING TO TAMIL LANGUAGE TEACHING AND FACILITATION PROBLEMS AND WAYS TO OVERCOME THEM IN AN INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL

M. Rameshraaj Murugan ^{*1}, **Suppiah Nachiappan** ²,
Bavani VR Kumaran ³

¹ Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: rameshraajmurugan24@gmail.com

² Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: suppiah@fpm.upsi.edu.my

³ Skool4kidz, Singapore. Email: kogihari_5@yahoo.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/183>

Abstract

Tamil language is one of the subjects offered by government schools as well as international schools in Malaysia. This study was conducted to examine the problems faced by students and teachers in learning and facilitation Tamil language in an international school. There are two objectives of the study in this study which is to examine the problems faced by students in an international primary school in learning and facilitation Tamil language and to identify the problems faced by teachers in an international primary school in learning and facilitation Tamil language. This study was conducted in an international primary school in Klang, Selangor. This study was conducted with the qualitative use of hermeneutic methods. Document analysis was used as a research instrument to collect and analyse data using daily lesson plans (RPH). The results of this study indicate that unplanned daily lesson plans, unclear content and inappropriate learning objectives were obtained from document analysis. This study can identify the problems faced by students and teachers should be curbed in an effective way. The problems studied in this study can help identify the solution to conduct effective Tamil language learning and facilitation in international primary schools.

Keywords: International primary school, problems, Hermeneutic

Abstrak

Bahasa Tamil merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan oleh sekolah kerajaan mahupun sekolah antarabangsa di Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan para guru dalam PdPc bahasa Tamil di sebuah sekolah antarabangsa. Terdapat dua objektif kajian dalam kajian ini iaitu mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di sebuah sekolah rendah antarabangsa dalam PdPc bahasa Tamil dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru di sebuah sekolah rendah antarabangsa dalam PdPc bahasa Tamil. Kajian ini dikendalikan di sebuah sekolah rendah antarabangsa Klang, Selangor. Kajian ini dijalankan dengan penggunaankualitatif dengan kaedah Hermeneutik. Analisis dokumen digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul dan menganalisis data dengan menggunakan rancangan pengajaran harian (RPH). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa rancangan pengajaran harian yang tidak terancang, kandungan yang tidak jelas dan objektif pembelajaran yang tidak sesuai telah diperolehi daripada penganalisisan dokumen. Kajian ini dapat mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan para guru harus dibendung dengan cara penyelesaian yang efektif. Masalah-masalah yang dikaji dalam kajian ini dapat membantu mengenalpasti cara penyelesaiannya bagi menjalankan PdPc bahasa Tamil yang efektif di sekolah rendah antarabangsa.

Kata kunci: Sekolah rendah antarabangsa, Masalah, Hermeneutik

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8th August 2021, revised 24th September 2021, accepted 10th October 2021

Pengenalan

Berdasarkan Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia (2017)¹, pendidikan di Malaysia merangkumi pendidikan prasekolah, pendidikan sekolah rendah, pendidikan sekolah menengah, pendidikan tinggi, pendidikan prasiswazah dan juga pendidikan sekolah antarabangsa. Menurut portal rasmi tersebut, sekolah antarabangsa ditakrifkan sebagai sekolah yang mengaplikasikan kurikulum negara luar. Sekolah jenis ini kebiasaannya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sekolah antarabangsa di Malaysia juga menerima masuk pelajar warganegara dan bukan warganegara di setiap peringkat; sama ada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan juga peringkat sekolah menengah. Menurut Mohan Sanyasi dan Sanitah Mohd. Yusof (2014)², sejajar dengan matlamat kerajaan dalam memberikan peluang pendidikan untuk semua, sektor swasta juga turut mengambil tempat dalam menyahut peranan tersebut. Institusi pendidikan swasta umumnya terdiri daripada sekolah swasta, sekolah antarabangsa, pusat-pusat kemahiran seperti pusat pendidikan bahasa, tuisyen, dan pusat latihan.

Kebiasaannya, sekolah antarabangsa yang terdapat di Malaysia menggunakan kurikulum Cambridge dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Bahasa Tamil merupakan salah satu mata pelajaran yang diajar sebagai bahasa kedua di sekolah antarabangsa. Bahasa Tamil juga merupakan mata pelajaran yang akan dinilai dalam International General Certificate of Secondary Education

(IGCSE). Oleh hal yang demikian, pihak sekolah antarabangsa melatih murid-murid dari sekolah rendah sebagai persiapan untuk menghadapi IGCSE.

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor penyumbang masalah PdPc bahasa Tamil di sebuah sekolah rendah antarabangsa.

Pernyataan masalah

Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan bahasa Tamil merupakan satu aktiviti yang meliputi pengajaran guru dan disertai dengan pembelajaran murid. Selain itu, faktor kepada masalah gangguan atau halangan dalam komunikasi antara murid dengan guru juga berlaku dalam PdPc bahasa Tamil di sekolah antarabangsa (Reetra Patrimakaran (2017)³. Pengajaran bahasa Tamil di sekolah antarabangsa diajar oleh guru-guru bukan pilihan mata pelajarannya. Hal ini menyebabkan murid-murid kurang menguasai semua kemahiran dari segi mendengar, membaca, bertutur, dan menulis dalam bahasa Tamil. Selain itu, kekurangan buku teks bahasa Tamil merupakan faktor kepada masalah yang dominan di sekolah rendah antarabangsa bagi tahun tiga hingga enam berbanding dengan Sekolah Jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Pelantikan guru bukan opsyen bahasa Tamil untuk mengajar bahasa Tamil merupakan faktor yang penting bagi berlakunya masalah dalam PdPc bahasa Tamil (Suppiah, 2017)⁴. Faktor penguasaan bahasa dipengaruhi oleh sikap negatif yang menyebabkan pengurangan minat yang mendalam dalam menguasai mata pelajaran bahasa Tamil. Sikap yang negatif akan memberikan output yang kurang memberangsangkan. Hal ini disokong oleh Ariffin (2020)⁵ yang menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid-murid dengan penguasaan bahasa Arab.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan dengan mendominasi dua objektif iaitu mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di sebuah sekolah rendah antarabangsa dalam PdPc bahasa Tamil dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru di sebuah sekolah rendah antarabangsa dalam PdPc bahasa Tamil.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan penggunaan kualitatif menggunakan kaedah Hermeneutik sebagai metodologi yang digunakan untuk menginterpretasikan data yang diperolehi daripada analisis dokumen. Populasi bagi kajian ini terdiri daripada guru-guru dan murid-murid yang mengajar di sekolah rendah antarabangsa di daerah Klang, Selangor. Seramai sepuluh orang murid dan tiga orang guru dari sekolah tersebut telah dipilih sebagai responden kajian.

Menurut Rickman (1976)⁶ kaedah Hermeneutik dapat menganalisis dan interpretasi teks bagi mengetahui pemikiran dan perasaan seseorang terhadap aspek yang dikaji. Menurut Suppiah (2013)⁷, penafsiran kaedah Hermeneutik hanya boleh dijalankan dengan menggunakan konsep interpretasi dalam interpretasi yang boleh dilakukan sama ada secara peribadi atau kelompok bergantung kepada situasi dan aspek kajian yang dinilai oleh pentafsiran teks tersebut. Proses ini bermaksud

bahawa sebuah teks akan diinterpretasikan untuk mencari makna atau peristiwa yang disampaikan oleh penulis.

Analisis dokumen adalah elemen penting dalam pengumpulan data. Data yang tersedia dalam dokumen seperti buku rekod mengajar, fail rancangan pengajaran harian, lembaran kerja murid memberi banyak input yang diperlukan. Dalam konteks kajian ini, dokumen-dokumen primer dan sekunder berpandukan senarai semak analisis seperti fail rancangan pengajaran harian dikumpulkan dengan kerjasama peserta kajian.

Penganalisan data dalam kajian ini akan membantu untuk mendapatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan guru-guru dalam PdPc bahasa Tamil. Kaedah Hermeneutik yang digunakan dalam kajian ini akan menginterpretasikan data daripada rancangan pengajaran harian untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan guru-guru dalam PdPc Bahasa Tamil.

Jadual 1

Analisis Masalah dalam Pdpc bahasa Tamil melalui Kaedah Hermeneutik

TEKS RPH ASAL	Interpretasi Faktor Penyumbang Masalah Pdpc Bahasa Tamil Melalui Kaedah Hermeneutik
<p>RPH 2/10/2019 பாடத்தலைப்பு உயிர் எழுத்துகள் பாடநோக்கம் மாணவர்கள் உயிர் எழுத்துகளைச் சரியாகப் பயன்படுத்தி கூறுவர்; எழுதுவர்.</p>	<p>Guru menayangkan tayangan video tentang cerita-cerita moral. Aktiviti pertama yang dilakukan oleh guru kurang relevan dengan tajuk yang diajar. Video yang berkaitan dengan cerita moral kurang mempunyai kaitan dengan pengajaran huruf vokal. Permulaan pengajaran dengan petunjuk yang kurang berkaitan dengan topik.</p>
<p>• ஆசிரியர் நீதிக் கதைகள் தொடர்பான கானொலியை ஒளிபரப்புதல்.</p>	<p>Guru menayangkan tayangan video tentang huruf vokal bahasa Tamil. Tayangan video yang disediakan oleh guru kurang menarik perhatian murid. Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru kurang mempunyai kreatif dan kurang memupuk semangat pembelajaran dalam kalangan murid.</p>
<p>• ஆசிரியர் உயிரெழுத்துகளை உச்சரிக்கும் முறைகளை விளக்குதல்.</p>	<p>Guru menjelaskan cara menyebut huruf vokal bahasa Tamil Penjelasannya kurang bagi aktiviti dalam RPH ini. Guru juga tidak menjelaskan penggunaan bahan bantu mengajar bagi aktiviti ini.</p>
<p>• மாணவர்கள் பயிற்சி செய்தல்.</p>	<p>Murid-murid membuat latihan RPH ini mempunyai penjelasan tentang aktiviti membuat latihan samada daripada buku teks atau daripada edaran guru. Guru juga kurang mempunyai komunikasi yang baik dengan</p>

		murid. Guru kurang memberi peluang kepada murid untuk membincangkan tentang huruf vokal.
	<ul style="list-style-type: none"> மாணவர்கள் இரு குழுவாகப் பிரிந்து, ஆசிரியர் கேட்கும் கேள்விகளுக்குப் பதிலளித்தல். 	<p>Murid-murid dibahagikan kepada dua kumpulan dan menjawab soalan guru.</p> <p>Aktiviti kumpulan ini harus dilakukan sebelum pembuatan latihan. Guru juga tidak menjelaskan tentang bahan bantu mengajar yang digunakan untuk aktiviti ini.</p> <p>Objektif pembelajaran dan pemudahcaraan ini tidak tercapai. Hal ini kerana, guru mencatatkan bahawa murid harus menulis huruf vokal tetapi dalam RPH ini guru tidak menyediakan aktiviti menulis huruf vokal.</p>

Dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi RPH pula, didapati bahawa objektif pembelajarannya tidak tercapai akibat daripada beberapa kesalahan yang terdapat dalam rancangan pengajaran harian. Set induksi dalam RPH, video cerita-cerita moral kurang relevan dengan topiknya iaitu huruf vokal. Guru juga tidak menjelaskan kaitannya video dengan topik huruf vokal. Selain itu, tayangan video mengenai huruf vokal kurang menarik perhatian murid dan kurang mempunyai kreatif yang dapat memupuk semangat murid untuk belajar. Seterusnya, guru tidak menjelaskan tentang penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk aktiviti penyebutan huruf vokal. Tambahan pula, RPH ini mempunyai penjelasan yang kurang tentang aktiviti membuat latihan samada dalam buku teks atau daripada edaran guru. Guru juga kurang mempunyai komunikasi yang baik dengan murid. Guru kurang memberi peluang kepada murid untuk membincangkan tentang huruf vokal. Kesimpulannya, objektif pembelajaran dan pemudahcaraan ini tidak tercapai kerana guru mencatatkan bahawa murid harus menulis huruf vokal tetapi dalam RPH ini guru tidak menyediakan aktiviti menulis huruf vokal.

Jadual 2

Analisis Masalah dalam Pdpc bahasa Tamil melalui Kaedah Hermeneutik

TEKS RPH ASAL	Interpretasi Faktor Penyumbang Masalah Pdpc Bahasa Tamil Melalui Kaedah Hermeneutik
<p>RPH 31/10/2019 பாடத்தலைப்பு பழமொழிகள் பாடநோக்கம்</p>	<ul style="list-style-type: none"> ஆசிரியர் நீதிக் கதைகள் தொடர்பான காணொலியை ஒளிபரப்பி மாணவர்களோடு கருத்துகளைக் கலந்துரையாடுதல். <p>Guru menayangkan tayangan video tentang cerita-cerita moral dan membincangkan pendapatnya dengan murid.</p> <p>Set induksi yang digunakan oleh guru kurang relevan dengan pembelajaran tersebut. Guru kurang memberi penjelasan secara terperinci tentang tajuk pengajaran.</p>

மாணவர்கள் பழமொழிகளைச் சரியாக பயன்படுத்தி கூறுவர்; எழுதுவர்.	<ul style="list-style-type: none"> ஆசிரியர் மாணவர்களுக்குப் பழமொழிகள் தொடர்பான கானொலிகளை ஒளிபரப்பதல். 	<p>Guru menayangkan video-video yang berkaitan dengan peribahasa.</p> <p>Guru kurang memberi peluang kepada murid untuk membaca peribahasa yang terdapat dalam buku teks. Guru tidak menghuraikan isi-isi yang terdapat video tersebut. Guru kurang memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pendapat tentang video tersebut.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> ஆசிரியர் ஒவ்வொரு பழமொழிக்கும் விளக்கமளித்தல். 	<p>Guru menerangkan setiap peribahasa kepada murid.</p> <p>Guru kurang memberi penjelasan tentang aktiviti ini secara terperinci. Guru tidak menjelaskan tentang penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk aktiviti ini.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> மாணவர்கள் வகுப்பிலேயே பழமொழியை மனனம் செய்து ஒப்புவித்தல். 	<p>Pelajar menghafal peribahasa dan menyebutnya dalam kelas.</p> <p>Objektif bagi pembelajaran dan pemudahcaraan ini tidak tercapai. Hal ini kerana, guru mencatatkan bahawa murid harus menulis peribahasa tetapi dalam RPH ini guru tidak menyediakan aktiviti menulis peribahasa.</p>

Dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi RPH pula, didapati bahawa objektif pembelajarannya tidak tercapai akibat daripada beberapa kesalahan yang terdapat dalam rancangan pengajaran harian. Dalam set induksi ini, video cerita-cerita moral kurang relevan dengan topiknya iaitu peribahasa. Seterusnya, guru kurang memberi peluang kepada murid untuk membaca peribahasa yang terdapat dalam buku teks. Selain itu, guru juga tidak menghuraikan isi-isi yang terdapat video tersebut dan kurang memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pendapatnya. Guru tidak menjelaskan tentang penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk aktiviti ini. Akhirnya, objektif bagi pembelajaran dan pemudahcaraan ini tidak tercapai kerana guru mencatatkan bahawa murid harus menulis peribahasa tetapi dalam RPH ini guru tidak menyediakan aktiviti menulis peribahasa.

Perbincangan

Kajian ini dapat meneroka faktor penyumbang masalah dalam PdPc bahasa Tamil di sekolah rendah antarabangsa dengan menganalisis dokumen rancangan pengajaran harian. Rancangan pengajaran harian yang kurang terancang akan mengakibatkan kesinambungan sepanjang PdPc. Set induksi yang terdapat dalam RPH kurang sesuai dengan topik pembelajaran. Selain itu, bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru semasa menjalankan PdPc bahasa Tamil kurang mempunyai kreatif. Guru juga tidak menjelaskan penggunaan bahan bantu mengajar bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kelas. Seterusnya, guru kurang mempunyai komunikasi yang baik dengan murid. Akhirnya, objektif pembelajaran tidak tercapai. Objektif pembelajaran yang dinyatakan oleh guru kurang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan dalam kelas. Antara faktor penyumbang masalah dalam PdPc bahasa Tamil adalah RPH yang tidak sistematik. Hal ini kerana

aktiviti-aktiviti yang digunakan tidak mengikut urutan yang tepat. Selain itu, kekurangan kandungan yang jelas menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masalah PdPc bahasa Tamil. RPH ini juga mempunyai huraian yang kurang jelas tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan dan penggunaan bahan bantu mengajar semasa PdPc. Tambahan pula, guru yang kurang mempunyai pengetahuan terhadap PAK21 akan menghadapi konflik dalam menarik perhatian terhadap pembelajaran. Halangan dalam komunikasi antara guru dengan murid menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah PdPc bahasa Tamil. Pernyataan ini turut disokong oleh Reetra Patrimakaran (2017)³. Beliau menyatakan bahawa masalah gangguan atau halangan dalam komunikasi antara murid dengan guru juga berlaku dalam PdPc bahasa Tamil di sekolah antarabangsa. Akhirnya, guru juga kurang mempunyai kemahiran terhadap penggunaan bahan bantu mengajar yang kreatif. Hal ini akan menyebabkan kekurangan minat murid terhadap PdPc bahasa Tamil.

Rujukan

1. MyGOV- Portal Rasmi Kerajaan Malaysia. (2017). Diakses pada 23 Julai 2018, daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/29483>
2. Mohan Sanyasi dan Mohd. Yusof, Sanitah. (2014). *Pendidikan swasta ke arah pembangunan pendidikan negara*. In: First International Education Postgraduate Seminar, 23-24 Nov, 2014, Johor Bahru:Malaysia.
3. Reetra Patrimakaran. (2017). Pembelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil di England. *Journal of Tamil Studies*. International Institute of Tamil Studies.
4. Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy & Sandra Suffian (2017). Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah dan Penyelesaian Masalah Melalui Kaedah Hermeneutik. *Jurnal Penyelidikan*. 7(2).
5. Ariffin @ Riffin, A. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), pp. 13 - 23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>.
6. Rickman, H. P. (1976). *Understanding and the human studies*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
7. Suppiah, N. (2013). *Proses Kognisi Dan Afeksi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.